

# UPM naik taraf lima robot basmi virus



**Sekumpulan pakar robotik UPM melakukan proses menaik taraf lima robot bagi kerja-kerja nyahkuman di lokasi berisiko penularan Covid-19**

**SHAH ALAM** - Sekumpulan pakar robotik Universiti Putra Malaysia (UPM) dalam proses menaik taraf lima robot untuk melakukan nyahkuman di lokasi berisiko penularan Covid-19, kata ketua projeknya pada 4 April lalu.

Prof Madya Dr Wan Zuha Wan Hasan berkata projek itu dijangka siap minggu depan dan ia boleh digunakan bagi membasmi pandemik yang turut membahayakan barisan hadapan.

Beliau berkata bagi fasa pertama, lima robot digunakan bagi membersihkan kawasan kampus UPM iaitu di bilik dan dewan kuliah, kolej penginapan dan pejabat.

"Fasa kedua kami menawarkan khidmat robot untuk melakukan nyahkuman, penyediaan makanan dan pengukur suhu kepada hospital awam berdekatan," katanya.

Wan Zuha berkata, pihaknya mengalami kekangan kewangan dan berharap ada pihak sudi membantu menaik taraf robot berkenaan.